

PENDEKATAN PENGGANDA DALAM PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA

PENGAJARAN YANG DIPEROLEH DARIPADA PROGRAM TINDAKAN PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA

APAKAH PROGRAM TINDAKAN PENDIDIKAN HAK ASASI?

Program Tindakan Pendidikan Hak Asasi (REAP) adalah inisiatif pembelajaran hak asasi antarabangsa selama 10 tahun yang dipimpin oleh Amnesty International Norway. REAP telah dilaksanakan oleh Amnesty International di Israel, Malaysia, Moldova, Maghribi, Poland, Rusia, Slovenia, Afrika Selatan, Thailand dan Turki. Setelah menaksir keperluan tempatan, rakan kongsi projek REAP telah memilih hak-hak manusia yang spesifik dan relevan kepada kumpulan sasaran mereka dan konteks hak asasi negara tersebut. Teras REAP adalah latihan pendidik hak asasi “pengganda” – individu yang melalui peranan atau kedudukan mereka dalam masyarakat, berupaya untuk mempengaruhi ramai individu atau kumpulan. Melalui REAP, rakan kongsi projek mewujudkan impak positif hak asasi dan menyumbang kepada matlamat Amnesty International untuk membina budaya hak asasi manusia di seluruh dunia.

PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA PENDEKATAN PENGGANDA

Konsep membangunkan pendidikan hak asasi manusia melalui pengganda adalah dengan melatih individu yang berkeupayaan untuk menyampaikan pengetahuan mereka dengan melibatkan pihak-pihak lain.



© Katarzyna Chadzyńska/Gazeta Lubuska

Individu seperti pendidik, kakitangan kerajaan, pegawai penjara, pemimpin agama, belia dan pelajar, pekerja NGO lain-lain dan di mana mereka kemudiannya boleh mendidik, melatih dan menganjurkan inisiatif hak asasi. Melalui pengganda, REAP mampu menawarkan peluang-peluang untuk aktivisma hak asasi mencapai sasaran yang lebih luas dan pelbagai, yang meningkatkan kesan kerja pendidikan hak asasi Amnesty International. Proses ini juga menghasilkan jaringan pendidikan hak asasi secara formal dan tidak formal; juga

50, 000 orang mengambil bahagian dalam tindakan hak asasi untuk Darfur, Festival Przystanek Woodstock, Ogos 2007.

meningkatkan aktivisma hak asasi. Faktor penting dalam evolusi dan kesan REAP ialah penilaian berterusan dan mendalam terhadap program tersebut, yang membolehkan ianya mengekalkan keberkesanannya dalam memperluaskan jaringan pendidikan hak asasi manusia.





‘Kejayaan paling penting adalah para pengganda kami, pasukan pendidik tempatan kami, jaringan para guru dan sekolah-sekolah kami, dan keputusan yang mereka perolehi untuk hak asasi di peringkat tempatan dan persekitaran sekolah’.

Anna Koczak, Amnesty International Poland.

PEMILIHAN, LATIHAN DAN MENGEKALKAN PENGGANDA

Asas utama dalam pendekatan pengganda REAP ialah methodologi berbagai lapisan, yang bermula dari pelatih utama. Golongan ini diamanahkan untuk menyampaikan pendidikan hak asasi dan mempraktikkan pengetahuan mereka dengan tindakan. Sebagai contoh, Amnesty International Poland memilih pelatih utama dari kalangan ahli-ahli mereka, dan merujuk hal ini sebagai salah satu dari kejayaan mereka. Pelatih-pelatih utama ini kemudiannya menghasilkan pengganda-pengganda baru dengan mengadakan latihan yang melengkapkan para pengganda dengan kemahiran, pengetahuan dan sumber –sumber untuk menjalankan bengkel-bengkel, kempen-kempen, kelas-kelas dan lain-lain aktiviti hak asasi mereka sendiri. Sebagai balasan individu-individu ini mendidik orang lain yang boleh menjadi pengganda, dan membentuk satu jaringan pendidik hak asasi yang berupaya melibatkan orangramai dan memberikan inspirasi kepada aktivisma hak asasi di kalangan seluruh masyarakat.

Amnesty International Israel telah menempa kejayaan sejak bertahun tahun dalam

Para aktivis Amnesty International mendesak pihak berkuasa Poland untuk menjalankan penyiasatan secara telus terhadap pusat tahanan rahsia CIA di Poland, Warsaw, April 2009.

melatih pengganda dalam pendidikan formal. Di Israel, REAP mengekalkan pengganda dan berkembang melalui sekolah dan kumpulan belia dan kem musim panas, dimana pengganda dan belia bersemangat untuk mengambil tindakan hak asasi melalui berbagai kempen dan aktiviti seperti ‘Junior Urgent Action Network (JUAN)’. Sebahagian dari JUAN di sekolah, pelajar dan guru memperolehi pengetahuan mendalam berkenaan situasi belia dimana hak asasi mereka dicabul atau yang menghadapi risiko pencabulan. Hasilnya, ahli JUAN memberi maklumbalas dan mengambil tindakan berkumpulan dalam mempertahankan hak asasi individu dan komuniti secepat. Untuk menyokong tindakan mereka, para guru di JUAN sering berbincang untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka, manakala para pelajar bertukar pandangan dengan rakan sebaya di kalangan mereka.

Di Poland, pendidikan hak asasi telah diterapkan dalam strategi organisasi, membantu pembinaan kapasiti dan

‘Organisasi-organisasi luar mengenali visi dan misi Amnesty International dan kami berfungsi sebagai bahagian yang penting di kalangan masyarakat sosial di Israel. Reputasi Amnesty International telah meningkat secara dramatik, dan dengan itu kami menerima banyak permintaan untuk terlibat dalam pelbagai inisiatif, sebagai contoh, persidangan mengenai isu hak asasi yang berbeza, hari terbuka di universiti-universiti, dan inisiatif melobi’.

Peserta REAP, Israel



© Amnesty International

Aktivist-aktivist Amnesty International Slovenia memperingati ulangtahun ke 6 Guantanamo, Ljubljana, Januari 2008.

meningkatkan profesionalisma dalam hak asasi. Kebanyakan kakitangan dan ahli lembaga Amnesty International Poland bermula sebagai pengganda, rakan kongsi atau peserta REAP. Penglibatan mereka boleh dikaitkan kepada inovasi REAP dalam latihan, yang berteraskan metodologi sokongan berstruktur. Di Poland, REAP bermula dengan 15 pelatih utama yang menjalankan latihan dan bengkel di peringkat kebangsaan, serantau dan tempatan. Pengganda menganjurkan perjumpaan tahunan peringkat kebangsaan untuk membentuk koordinasi dalam kerja mereka. Para pelatih diminta menandatangani kontrak untuk aktiviti hak asasi selama 18 bulan selepas latihan. Amnesty International Poland juga memberikan motivasi kepada pengganda dengan meningkatkan tahap profesionalisma dalam latihan dan membekalkan khidmat pembimbing.

PENILAIAN DAN SUSULAN

Sejak 2001, Amnesty International Slovenia telah membina satu jaringan yang terdiri dari 450 pendidik dari golongan guru dan belia. Pendidik menghadiri kursus latihan berkenaan kaedah pendidikan hak asasi

dan memajukan pengekalan jaringan yang membolehkan pertukaran kemahiran, sumber dan pengalaman untuk memperbaiki tahap latihan yang diberikan. Ahli jaringan disokong dengan e mail bulanan yang mengandungi berita semasa dan informasi mengenai isu hak asasi, cadangan aktiviti dan bengkel, dan informasi berkenaan pencabulan hak asasi seluruh dunia yang perlukan tindakan. Maklumbalas secara berterusan dari ahli jaringan adalah penting kepada perkembangan berterusan jaringan ini, dengan nasihat yang diberi tentang bagaimana untuk bekerja dengan kumpulan sasaran. Guru-guru mempromosi khidmat kepada rakan rakan mereka, yang kemudian nya menjadi ahli baru.

Rakan kongsi projek REAP mengadakan lawatan pertukaran untuk memantau dan mempelajari dari aktiviti projek pada peringkat tempatan. Sebagai contoh, kakitangan projek REAP dari Israel dan Slovenia membuat lawatan antara sesama untuk menilai dan membuat perbandingan dengan para guru dan sekolah. Satu proses audit luar oleh projek REAP yang dianjurkan oleh Amnesty International telah dikendalikan oleh persatuan pendidikan hak asasi manusia.

Analisis dan pengajaran yang di kongsi dengan semua negara di mana REAP dilaksanakan, begitu juga rakan kongsi projek, supaya pengajaran tersebut boleh di intergrasikan dalam kerja pendidikan hak asasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sebagai balasannya ini boleh menyumbang kepada pembinaan kapasiti jaringan Amnesty International dan rakankongsi dalam bidang pendidikan hak asasi. Penilaian membolehkan individu, komuniti dan organisasi terlibat dalam REAP untuk memahami dengan jelas sumbangan mereka terhadap isu hak asasi kepada semua.

‘Terdapat bukti yang impak kepada pengganda dan benefisiari telah membawa transformasi yang menghasilkan perubahan ketara dalam perlakuan dan tindakan peribadi’.

Felisa Tibbetts, Pengarah Persatuan Pendidikan Hak Asasi dan Penilai REAP

MEMBINA BUDAYA HAK ASASI

Di kebanyakan negara yang terlibat dalam projek REAP yang sedekad panjangnya, jumlah orang yang bertindak terhadap hak asasi melalui penyertaan dalam Amnesty International telah meningkat 3 kali ganda, dari 6, 010 kepada 19, 158 ahli. Penilaian jumlah ini menunjukkan satu dimensi dari kesan REAP, terdapat juga bukti kualitatif yang menunjukkan bagaimana REAP menyumbang kepada terciptanya budaya yang menghormati, mempertahankan dan mempromosikan hak asasi kepada semua.

Amnesty International Israel mendapati REAP menawarkan peluang yang lebih besar untuk sebilangan besar mengambil bahagian dalam aktiviti berkempen. Ini hasil daripada kejayaan program pendidikan hak asasi di sekolah, dan latihan pengganda di NGO-NGO dan organisasi berlatarbelakangkan komuniti (CBOs). Contohnya, sebelum ini REAP Israel bekerjasama hanya dengan 2 organisasi dan 20 sekolah. Kini, REAP telah mengembangkan jaringan kerjasamanya kepada 16 NGO/CBO, dan bekerja dengan 83 sekolah dan universiti.

Di Poland, peningkatan jumlah orang yang terlibat dalam Amnesty International adalah kesan langsung dari pelaburan mereka dalam latihan pengganda, yang mana ialah sumbangan positif terhadap semua kerja hak asasi yang dijalankan. Ini paling ketara dengan pengganda Poland di sekolah-Amnesty International Poland tidak mempunyai kerjasama aktif dengan sekolah atau universiti tetapi setelah REAP bermula, ia kini bekerja dengan 107 badan pendidikan rasmi.

‘Saya berpendapat seseorang perlu tegas dan yakin untuk menegakkan hak asasi. Sekarang saya sedang mengembangkan kemahiran tersebut dan saya semakin bertambah baik’

Peserta REAP, Poland



© Circle Up Now/Amnesty International

Sebagai sebahagian dari hari tindakan global terhadap kempen Olimpik Beijing, aktivis dari Amnesty International Israel membentuk perkataan “שפּוּרוּחַ” (kebebasan), Tel Aviv, Julai 2008.

CADANGAN-CADANGAN

CADANGAN UTAMA DARI REAP

■ **Penggunaan pendekatan pengganda dalam pendidikan hak asasi dapat sampai dan melibatkan lebih ramai orang, dan ini meningkatkan impaknya.**

Pendekatan pengganda ialah cara berkesan untuk mengembangkan pendidikan hak asasi dan kemahiran baru kepada orang ramai dan masyarakat. Pengganda pendidikan hak asasi melibati dan mendidik lebih ramai orang dan memberi inspirasi kepada mereka untuk bertindak. Ini menguatkan lagi penglibatan orang ramai dari pelbagai sektor masyarakat untuk menyedari hak asasi untuk semua.

■ **Kesan hak asasi boleh ditingkatkan dengan mencipta jaringan pendidikan hak asasi yang berkekalan.**

Setelah pengganda pendidik hak asasi manusia dilatih, penciptaan jaringan

adalah satu cara untuk menyokong, membanguankan dan megekalkan aktiviti mereka. Jaringan ini dapat menyediakan peluang untuk pengetahuan, kemahiran dan perkongsian sumber, serta boleh dikendalikan menggunakan sumber “online” dan e mel.

■ **Penilaian kaedah dan impak pendidikan hak asasi manusia adalah penting untuk membentuk pendidikan hak asasi yang bertanggungjawab, dan mengukur kejayaan.** Melibatkan rakankongsi dan peserta dalam rangka kerja untuk memantau dan menilai kerja pendidikan hak asasi akan meningkatkan keputusan penilaian dan mengintegrasikan pengajaran yang diperolehi dalam kerja semasa dan akan datang. Ianya juga membolehkan kita mengenal kejayaan kita.

**AMNESTY
INTERNATIONAL**



Amnesty International adalah pergerakan global seramai 2.2 juta penduduk di lebih dari 150 negara dan wilayah yang berkempen bagi menamatkan pencabulan hak asasi manusia.

Wawasan kami adalah bagi setiap individu untuk menikmati semua hak yang terkandung dalam Deklarasi Sejagat Hak-hak Manusia dan piawai-piawai hak manusia antarabangsa lain.

Kami bebas dari mana-mana kerajaan, ideologi politik, kepentingan ekonomi atau agama - dibiayai terutamanya oleh keanggotaan kami dan derma awam.

Mei 2010
Indeks: POL 32/003/2010

Amnesty International
International Secretariat
Peter Benenson House
1 Easton Street
London WC1X 0DW
United Kingdom

www.amnesty.org